

Bil. S 28

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT
(PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI), 1991

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran dan
permulaan
kuatkuasa.

Tafsiran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei), 1991 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 29 haribulan September, 1991.

2. Di dalam Perintah ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“Bonus” dan “Dividen” bermakna keuntungan bersih atau pendapatan bersih yang diperolehi dalam suatu tahun kewangan ;

“Tahun Kewangan” bermakna tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 haribulan Disember ;

“Pengarah Urusan” bermakna Pengarah Urusan yang dilantik di bawah bab 13 dari Perintah ini ;

“Perbadanan” bermakna Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei yang ditubuhkan di bawah bab 3 dari Perintah ini ;

“Kumpulanwang Yang Diasingkan” bermakna wang sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 25 dari Perintah ini ;

“Tabung” bermakna Kumpulanwang Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei yang ditubuhkan di bawah bab 22 dari Perintah ini.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN DAN PENTADBIRAN PERBADANAN

Penubuhan
Perbadanan.

3. (1) Adalah dengan ini ditubuhkan suatu pertubuhan yang diperbadankan yang digelar “Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei” yang mana hendaklah kekal turun-temurun dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama itu dan tertakluk kepada dan bagi maksud-maksud Perintah ini, boleh membuat kontrak dan boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati harta

alih dan tak alih apapun perihalnya dan boleh memindah hak, memberi hak, menyerahkan, melepaskan, menggadaikan, menggadai-janji, memajak, memberi hak semula, memindah milik ataupun sebaliknya melupuskan, atau mengendalikan, sebarang harta alih atau tak alih atau sebarang kepentingan ke atasnya yang terletakhak pada Perbadanan dengan syarat-syarat sebagaimana yang dianggapnya patut.

(2) Perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai biasa dan meterai itu boleh, dari masa ke semasa, dipecah, ditukar, diubah dan dibuat baru sebagaimana yang dianggapnya patut, dan, sehingga suatu meterai diadakan di bawah bab ini, suatu cap yang mengandungi perkataan "Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei" boleh digunakan sebagai meterai biasa.

(3) Segala suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang memerlukan meterai Perbadanan hendaklah dimeterai dengan meterai biasa Perbadanan dengan kebenaran Perbadanan di hadapan Pengarah Urusan dan orang lain yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh Perbadanan untuk bertindak bagi maksud itu dan hendaklah ditandatangani oleh Pengarah Urusan dan oleh orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya itu, dan penandatanganan demikian, sehingga dibuktikan sebaliknya, adalah keterangan yang mencukupi bahawa meterai biasa Perbadanan telah dengan sempurna dan betul dibubuh dan bahawa meterai itu adalah meterai biasa Perbadanan yang sah.

(4) Perbadanan boleh dengan ketetapan atau dengan cara lain melantik seseorang pegawai Perbadanan atau mana-mana wakil lain sama ada secara am atau dalam sesuatu perkara tertentu untuk menyempurnakan atau menandatangani bagi pihak Perbadanan sebarang perjanjian atau suratcara lain yang tidak dimeterai berhubung dengan sebarang perkara yang termasuk di dalam kuasa-kuasa Perbadanan.

(5) Meterai biasa atau cap di bawah ceraian (2) hendaklah disimpan dalam jagaan Pengarah Urusan.

(6) Meterai biasa Perbadanan hendaklah diiktiraf secara rasmi dan dari segi kehakiman.

4. Matlamat utama Perbadanan adalah —

Matlamat
utama.

- (a) untuk memegang dan mengurus Tabung dan untuk merangka dasar-dasar berhubung dengannya ;
- (b) untuk melaksanakan segala pengendalian bank, pembiayaan, perdagangan dan pelaburan dan untuk menubuhkan dan mengambil bahagian dalam projek-projek pembangunan industri dan ekonomi sama ada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam menurut Perintah ini ;

Lembaga pengarah.

(c) untuk melaksanakan matlamat-matlamat lain sebagaimana yang mungkin ditentukan dengan Perintah yang disiarkan di dalam *Warta Kerajaan* oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal ugama dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

5. (1) Maka hendaklah ada sebuah lembaga pengarah Perbadanan yang akan bertanggungjawab terhadap dasar dan pentadbiran am mengenai hal ehwal dan urusan Perbadanan.

(2) Lembaga hendaklah terdiri dari seorang Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan sebilangan pengarah lain yang hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atas sembah sokongan Menteri yang bertanggung-jawab bagi hal ehwal ugama.

(3) Lembaga hendaklah dilantik daripada kalangan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang beragama Islam.

(4) Jika Pengerusi tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini kerana sakit, tidak berada di Negara Brunei Darussalam atau kerana sebarang sebab lain apa juapun, maka tugas-tugasnya hendaklah dijalankan oleh Timbalan Pengerusi.

(5) Pengarah-pengarah yang dilantik sedemikian hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari tiga tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

(6) Syarat-syarat ceraian (5) dari bab ini hendaklah tidak dikenakan kepada seorang pengarah yang dilantik menjadi Pengarah Urusan di bawah bab 13 dari Perintah ini.

(7) Lembaga boleh mempelawa mana-mana orang sebagaimana yang difikirkannya patut untuk menghadiri mesyuarat lembaga bagi maksud memberi nasihat kepada lembaga mengenai apa jua perkara.

Kuasa-kuasa
Menteri
berhubung
dengan
Perbadanan.

6. (1) Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan boleh memberi kepada Perbadanan arahan yang bersifat umum yang tidak bertentangan dengan syarat-syarat Perintah ini berhubung dengan perjalanan dan pelaksanaan tugas-tugasnya dan Perbadanan hendaklah menguatkuasakan semua arahan itu.

(2) Perbadanan hendaklah memberikan kepada Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan penyata, akaun dan maklumat-maklumat lain berkenaan dengan harta dan kegiatan-kegiatan Perbadanan sebagaimana yang mungkin dikehendaki dari masa ke semasa olehnya.

7. Tiada seorang ahli lembaga pengarah Perbadanan atau Jawatankuasa Penasihat Syariah boleh memikul sebarang tanggungan persendirian kerana sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh sebarang perbuatan atau peninggalan dalam pentadbiran hal ehwal Perbadanan melainkan jika kerugian atau kerosakan itu disebabkan oleh suatu perbuatan atau peninggalan salah secara sengaja di pihaknya. Tanggungan ahli.
8. Maka bolehlah dibayar dari Tabung kepada tiap-tiap ahli lembaga pengarah Perbadanan dan Jawatankuasa Penasihat Syariah elaun-elaun, termasuk elaun perjalanan dan sara hidup, sebagaimana yang mungkin ditentukan dari masa ke semasa oleh Perbadanan terakluk kepada had-had dan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal ugama. Elaun.
9. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh menamatkan lantikan mana-mana pengarah yang dilantik di bawah ceraian (2) bab 5 dari Perintah ini jika dia — Kehilangan kelayakan pengarah.
- (a) meletakkan jawatannya ;
 - (b) menjadi tidak siuman atau tidak berupaya menjalankan tugas-tugasnya ;
 - (c) menjadi bankrap atau menggantung pembayaran kepada atau membuat penyelesaian dengan pemutang-pemutangnya ;
 - (d) disabitkan atas sesuatu kesalahan yang melibatkan ketidakjujuran atau penipuan atau kekejadian akhlak ;
 - (e) bersalah kerana melakukan salah laku yang berat berhubung dengan tugas-tugasnya ;
 - (f) tidak menghadiri, tanpa kebenaran, mesyuarat-mesyuarat lembaga sebanyak tiga kali berturut-turut ; atau
 - (g) gagal memenuhi kewajipannya di bawah bab 12 dari Perintah ini.
10. Jika mana-mana pengarah meninggal dunia atau meletak jawatan atau dengan cara lain mengosongkan jawatannya sebelum tamatnya tempoh selama mana dia telah dilantik maka orang lain boleh dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atas sembah sokongan Menteri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal ugama bagi tempoh yang belum tamat dari tempoh jawatan pengarah yang di tempatnya orang lain itu dilantik. Kekosongan jawatan pengarah.
11. (1) Pengurus lembaga hendaklah memanggil mesyuarat seberapa kerap yang mungkin dikehendaki tetapi tidak kurang kerapkalinya sekali dalam tiga bulan. Mesyuarat dan keputusan lembaga.

Pendedahan
oleh pengarah
mengenai
kepentingan
dalam
urusniaga
dengan
Perbadanan
dan
kehilangan
kelayakan
pengarah
itu dari
mengundi.

(2) Pada setiap mesyuarat lembaga korum hendaklah terdiri dari tiga orang pengarah, dan keputusan hendaklah diterima dengan majoriti undi pengarah-pengarah yang hadir dan mengundi kecuali dalam hal persamaan undi Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

12. (1) Mana-mana pengarah yang mempunyai atau memperolehi, secara langsung atau tidak olehnya sendiri, melalui kongsi atau wakilnya —

- (a) sebarang bahagian atau kepentingan —
 - (i) dalam sebarang kontrak yang dibuat dengan Perbadanan ;
 - (ii) dalam sebarang kerja yang dibuat untuk Perbadanan ; atau
 - (iii) dalam sebarang syarikat atau firma atau berkaitan dengan sebarang perniagaan di mana Perbadanan bercadang hendak membuat suatu kontrak dengannya ; atau
- (b) sebarang kepentingan berfaedah ke atas tanah yang dicadangkan untuk diperolehi, dibeli, dipajak atau dengan cara lain dikendalikan oleh Perbadanan, yang diketahuinya akan terabit atau mungkin akan terabit oleh sebarang projek, skim atau perusahaan yang diluluskan atau dicadangkan untuk diluluskan oleh Perbadanan,

hendaklah mengisyiharkan jenis dan setakat mana bahagian atau kepentingannya kepada Perbadanan.

(2) Pengisytiharan yang dikehendaki dibuat oleh seseorang pengarah di bawah ceraian (1) hendaklah dibuat pada mesyuarat lembaga di mana sebarang persoalan berkenaan dengan kontrak, perolehan, pembelian, pajakan, urusan, projek atau skim itu pertama kalinya dipertimbangkan, atau jika pada tarikh mesyuarat itu pengarah itu tidak mempunyai sebarang bahagian atau kepentingan itu, pada mesyuarat yang berikutnya yang diadakan selepas dia memperolehi bahagian atau kepentingan itu, dan dalam hal jika seseorang pengarah memperolehi sebarang bahagian atau kepentingan itu dalam sebarang kontrak dengan Perbadanan selepas kontrak itu dibuat, pengisytiharan tersebut hendaklah dibuat pada mesyuarat pertama yang diadakan selepas pengarah itu memperolehi bahagian atau kepentingan itu.

(3) Bagi maksud-maksud bab ini, suatu notis am yang diberi oleh seseorang pengarah kepada pengarah-pengarah lain yang bermaklumat bahawa dia adalah seorang ahli dari sebarang syarikat atau firma tertentu dan dikira sebagai berkepentingan dalam sebarang kontrak yang, selepas tarikh notis itu, boleh dibuat dengan atau oleh syarikat atau firma itu, hendaklah dianggap sebagai suatu peng-

isytiharan kepentingan yang mencukupi berhubung dengan sebarang kontrak atau permohonan yang dibuat demikian :

Dengan syarat bahawa notis itu hendaklah tidak mempunyai kuatkuasa melainkan jika ianya diberi pada mesyuarat lembaga atau pengarah yang berkenaan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mempastikan supaya ianya dibentangkan dan dibaca pada mesyuarat lembaga yang berikutnya setelah ianya diberi.

(4) Tiap-tiap pengisyiharan yang dibuat menurut bab ini hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat di mana pengisyiharan itu dibuat atau dibaca.

(5) Seseorang pengarah hendaklah tidak mengundi atas sebarang ketetapan atau persoalan berhubung dengan sebarang kontrak, perolehan, pembelian, pajakan, urusan, projek atau skim di mana dia mempunyai sebarang bahagian atau kepentingan, sama ada dia telah mengisytiharkannya atau tidak, dan dia hendaklah juga tidak mengambil bahagian dalam sebarang perbincangan (kecuali atas pelawaan lembaga) atau keputusan berhubung dengannya atau sebarang perkara yang berkaitan dengannya, dan jika dia berbuat demikian undinya hendaklah tidak dikira, dan dia hendaklah juga tidak dikira dalam korum yang hadir pada mesyuarat itu bagi maksud ketetapan atau persoalan itu.

13. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atas sembah sokongan Menteri yang bertanggungjawab bagi hal-ehwal ugama boleh melantik salah seorang daripada pengarah-pengarah yang dilantik di bawah bab 5 dari Perintah ini sebagai Pengarah Urusan.

Lantikan
Pengarah
Urusan.

(2) Pengarah Urusan adalah Ketua Eksekutif Perbadanan.

(3) Pengarah Urusan hendaklah diambil berkhidmat atas syarat-syarat perkhidmatan sebagaimana yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mungkin menentukan.

(4) Pengarah Urusan hendaklah diamanahkan dengan pentadbiran harian Perbadanan, penyediaan rancangan, skim atau projek untuk pertimbangan lembaga dan pelaksanaan keputusan lembaga.

(5) Pengarah Urusan hendaklah bertanggungjawab kepada lembaga terhadap tindakan dan keputusannya.

(6) Jika Pengarah Urusan tidak ada atau tidak berupaya untuk bertindak, Menteri yang bertanggungjawab bagi hal-ehwal ugama dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik seorang pengarah untuk menunaikan kewajipannya dalam tempoh ketiadaan atau ketiadaupayaannya itu.

**Jawatankuasa
Penasihat
Syariah.**

14. (1) Menteri yang bertanggungjawab bagi hal-ehwal ugama dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik Jawatankuasa Penasihat Syariah.

(2) Jawatankuasa Penasihat Syariah hendaklah terdiri dari ahli-ahli yang berikut —

- (a) seorang Pengerusi ;
- (b) Pengarah Urusan ; dan
- (c) tidak kurang daripada dua dan tidak lebih daripada tiga orang ahli.

(3) Ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah selain daripada Pengarah Urusan hendaklah dipilih daripada kalangan sarjana Islam dan pakar undang-undang yang berugama Islam.

(4) Jawatankuasa Penasihat Syariah hendaklah menasihatkan Perbadanan mengenai keselarasan pelaburan, urusan dan tindakannya dengan prinsip dan hukum Syara'.

(5) Jawatankuasa Penasihat Syariah hendaklah mempunyai kuasa-kuasa lain sebagaimana yang mungkin diwakilkan kepadanya oleh lembaga.

(6) Jawatankuasa Penasihat Syariah boleh mempelawa mana-mana orang sebagaimana yang difikirkannya patut untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa bagi maksud memberi nasihat kepada Jawatankuasa mengenai apa juu perkara.

**Pemeliharaan
rahsia.**

15. (1) Kecuali bagi maksud melaksanakan tugas-tugasnya atau menjalankan kewajipannya atau apabila dikehendaki secara sah untuk berbuat demikian oleh mana-mana mahkamah atau di bawah syarat-syarat sebarang undang-undang bertulis, tiada pengarah, pegawai atau pekerja Perbadanan boleh mendedahkan kepada mana-mana orang sebarang maklumat berkenaan dengan hal-ehwal Perbadanan atau mana-mana orang yang telah diperolehinya dalam melaksanakan tugas-tugasnya atau menjalankan kewajipannya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar syarat-syarat ceraian (1) dari bab ini adalah melakukan kesalahan di bawah Perintah ini dan boleh apabila sabit kesalahan dihukum penjara selama tiga tahun dan dikenakan denda sebanyak \$5,000.

- (a) menubuhkan pejabat-pejabat dan wakil-wakil di tempat-tempat di luar Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang difikirkannya patut ;
- (b) menyusun atau membuat kontrak dengan dan memberi kuasa kepada orang atau orang-orang yang mungkin individu atau syarikat yang diperbadankan, untuk bertindak sebagai agen atau wakil Perbadanan di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam, termasuk pelaksanaan pengurusan pelaburan, undang-undang, pengauditan dan pengukuran kegiatan-kegiatan prestasi pelaburan bagi pihak Perbadanan, dan berhubung dengan pelaksanaan kegiatan-kegiatan itu agen-agen atau wakil-wakil itu boleh diberi bayaran kerana perkhidmatan yang diberikan dan boleh dibayar balik oleh Perbadanan bagi perbelanjaan yang dibayar sendiri.

BAHAGIAN V

KEWANGAN

Tabung.

22. (1) Hendaklah ditubuhkan suatu Tabung yang digelar "Tabung Amanah Islam Brunei" yang terletakhak pada Perbadanan bagi maksud-maksud am Perintah ini dan bagi maksud-maksud membolehkan orang untuk menyimpan, melabur dan untuk menunaikan fardu haji ke Mekah ke dalam Tabung mana hendaklah dimasukkan —

- (a) simpanan dan wang lain sebagaimana yang diarahkan oleh Perintah ini supaya dimasukkan ke dalam Tabung ;
- (b) wang sebagaimana yang mungkin disumbangkan atau dipinjamkan dari masa ke semasa kepada Perbadanan oleh Kerajaan ;
- (c) bayaran lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan ;
- (d) wang yang diperolehi dari pelaburan atau melalui pengendalian sebarang projek, skim, agensi atau perusahaan yang dibiayai dari Tabung ;

(2) Simpanan boleh dibayar balik dari Tabung dengan bonus ke atasnya sebagaimana yang dipersyaratkan oleh Perintah ini, dan bayaran lain, tertakluk kepada bab 23, sebagaimana yang diarahkan oleh Perintah ini supaya dibayar dari Tabung.

Perbelanjaan
Perbadanan.

23. Tabung boleh digunakan bagi maksud menjalankan kewajipan-kewajipan Perbadanan :

Dengan syarat bahawa perbelanjaan Perbadanan hendaklah tidak diambil dari akaun-akaun penyimpan.

Pelaburan
Tabung.

24. (1) Aset Tabung hendaklah, setakat yang ianya tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Perbadanan di bawah Perintah ini dilaburkan mengikut cara sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Perbadanan.

16. Tiada gaji, bayaran, upah atau ganjaran lain boleh dikira dengan merujuk kepada hasil sebarang perkhidmatan pengurusan wang yang dilakukan oleh atau bagi pihak Perbadanan menurut Perintah ini.

Ganjaran hendaklah tidak dikaitkan dengan keuntungan.

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN BERHUBUNG DENGAN KAKITANGAN, PEMINDAHAN TUGAS, PEKERJA DAN ASET, DSB.

17. (1) Perbadanan boleh dari masa ke semasa meluluskan suatu senarai jawatan (tidak termasuk pengarah) yang difikirkannya perlu bagi maksud-maksud Perintah ini dan boleh menambah atau meminda senarai ini.

Senarai jawatan dan lantikan pekerja.

(2) Tertakluk kepada syarat-syarat bab ini —

- (a) lantikan dan kenaikan pangkat ke semua jawatan hendaklah dibuat oleh Perbadanan ; dan
- (b) penamatan lantikan, pembuangan kerja dan kawalan tatatertib pekerja Perbadanan hendaklah terletakhak pada Perbadanan.

(3) Dengan tidak menghiraukan syarat-syarat bab ini, Perbadanan boleh melantik orang secara sementara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun ke jawatan yang terdapat dalam senarai jawatan yang berkuatkuasa pada masa itu.

(4) Perbadanan boleh, dengan kebenaran Menteri yang bertanggungjawab bagi hal-ehwal ugama, membuat aturan-aturan, yang tidak bertentangan dengan syarat-syarat Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis yang lain, bagi lantikan, kenaikan pangkat, kawalan tatatertib dan syarat-syarat perkhidmatan semua orang yang berkhidmat dengan Perbadanan.

(5) Tanpa menyentuh keluasan makna ceraian (4) dari bab ini, Perbadanan hendaklah menetapkan kadar-kadar ganjaran yang kena dibayar kepada orang-orang yang berkhidmat dengan Perbadanan dan tiada sesiapa pun yang berkhidmat sedemikian boleh dibayar melainkan menurut kadar-kadar itu.

18. (1) Apabila Perintah ini berkuatkuasa, harta alih, aset, hak, kepentingan dan keistimewaan yang menjadi mana-mana bahagian aset Perbadanan, berserta dengan sebarang hutang, tanggungan atau tanggungjawab berhubung atau bersangkutan dengannya hendaklah dianggap telah dipindahkan kepada dan terletakhak pada Perbadanan tanpa memerlukan sebarang tindakan lanjut.

Pemindahan aset dan tanggungan kepada perbadanan.

(2) Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala tindakan atau perkara yang dianggapnya perlu atau mustahak untuk menguatkuasakan syarat-syarat ceraian (1) dari bab ini.

- (3) Jika persoalan berbangkit mengenai sama ada —
- (a) sebarang kewajipan, tugas dan kuasa ; atau
 - (b) sebarang harta alih, aset, hak, kepentingan, keistimewaan, hutang, tanggungan dan tanggungjawab,

telah dipindahkan kepada atau terletakhak pada Perbadanan di bawah ceraian (1) dari bab ini, suatu perakuan yang disempurnakan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan adalah keterangan muktamad mengenai pemindahan atau letakhak itu.

BAHAGIAN IV

KUASA, TUGAS DAN KEWAJIPAN PERBADANAN

Kuasa, tugas
dan kewajipan
Perbadanan.

19. (1) Perbadanan boleh, bagi maksud melaksanakan syarat-syarat Perintah ini, menjalankan dan menunaikan kuasa-kuasa, tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan yang berikut, iaitu, ia boleh —

- (a) membuka dan mengendalikan sekuriti dan akaun penjelasan tunai dan menempatkan simpanan dengan syarat-syarat yang mungkin diputuskan olehnya ;
- (b) membeli, memperolehi dengan pertukaran atau cara lain, memegang, menjual atau dengan cara lain melupuskan pelbagai jenis aset pelaburan sebagaimana yang dibenarkan dengan khususnya oleh Perintah ini atau oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal ugama atas sokongan lembaga ;
- (c) menerima wang untuk simpanan, memberi pinjaman atau meminjam wang, menetapkan kredit dan memberi jaminan dalam sebarang matawang di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam dengan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dianggapnya patut ;
- (d) membuka dan mengendalikan akaun dengan bank pusat di luar Negara Brunei Darussalam ;
- (e) membeli, memperolehi atau memajukan, di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam kemudahan-kemudahan bagi mengira dan melaporkan aset dan tanggungan Perbadanan dan sebarang aset atau tanggungan lain yang terletakhak pada Perbadanan ;
- (f) membuat kontrak dengan pihak ketiga di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam bagi maksud yang dinyatakan dalam bab 21 dari Perintah ini ;
- (g) menanggung pinjaman dan sekuriti dalam mana ia mungkin melabur ;
- (h) mengendalikan pengeluaran dan pengurusan pinjaman yang dikeluarkan kepada orang ramai oleh Kerajaan atau oleh mana-mana pihak berkuasa awam ;

- (i) membayar perbelanjaan Perbadanan, termasuk secara khusus sebarang bayaran yang dimaksudkan oleh bab-bab 5(7), 8, 13(3), 14(6) dan 21(b) dari Perintah ini dari aset yang dipindahkan kepada dan terletakhak pada Perbadanan menurut bab 18(1) dari Perintah ini ; dan
- (j) melakukan secara am segala perkara yang biasanya mungkin dilakukan oleh pengurus-pengurus pelaburan dan tidak bertentangan dengan perjalanan kuasa-kuasanya atau pelaksanaan tugasnya di bawah Perintah ini.

(2) Selepas Perintah ini berkuatkuasa, maka hendaklah erletakhak pada Perbadanan kewajipan-kewajipan, tugas-tugas dan kuasa-kuasa lain sebagaimana yang mungkin ditentukan, dari masa ke semasa, oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.

(3) Perbadanan hendaklah dikecualikan dari kehendak-kehendak pelesenan di bawah Akta Bank, Akta Pemberi Pinjaman Wang dan Akta Syarikat Kewangan.

10. Pelaburan-pelaburan yang mungkin dipergang oleh Perbadanan, sebagaimana yang dipersyaratkan dalam perenggan (b) ceraian (1) bab 9 dari Perintah ini hendaklah termasuk —

- (a) syiling atau jongkong emas dan logam berharga yang lain ;
- (b) harta tanah dan kepentingan ke atasnya ;
- (c) wang kertas, syiling, baki bank dan wang panggilan di negara atau negara-negara sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh lembaga ;
- (d) bil Perbendaharaan kerajaan atau kerajaan-kerajaan sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh lembaga ;
- (e) sekuriti, atau dijamin oleh, kerajaan atau kerajaan-kerajaan atau institusi-institusi kewangan antarabangsa sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh lembaga ;
- (f) jenis-jenis aset pelaburan yang lain sebagaimana yang mungkin dibenarkan dari masa ke semasa oleh lembaga dan dinyatakan dalam garispandu pelaburan bertulis kepada Perbadanan ; dan
- (g) pelaburan tertentu yang lain yang tidak dibenarkan di bawah Perintah ini sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal ugama atas sokongan lembaga.

11. Pada menjalankan kuasa-kuasanya dan melaksanakan kewajipan-kewajipannya di bawah Perintah ini Perbadanan boleh —

Penggal 95, 62
dan 89.

Pelaburan
kumpulan-
wang.

(2) Sebelum menjalankan kuasa-kuasa pelaburannya di bawah ceraian (1), Perbadanan hendaklah menimbangkan sebarang laporan atau sokongan yang dibuat kepadanya oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah yang disebutkan sebelum ini.

25. (1) Perbadanan hendaklah menujuhkan Kumpulanwang Yang Diasingkan.

Kumpulan-wang Yang Diasingkan.

(2) Maka hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulanwang Yang Diasingkan oleh Perbadanan —

- (a) keuntungan bersih tahunan Tabung ;
- (b) sebarang pemberian Kerajaan, hadiah, sumbangan atau warisan yang dibuat kepada Perbadanan.

26. (1) Tertakluk kepada syarat-syarat bab ini, Perbadanan boleh menetapkan kadar bonus atau dividen atau kedua-duanya sekali bagi sebarang tahun kewangan Tabung ; dan jika suatu penetapan dibuat jumlah wang yang masih ada dalam kredit tiap-tiap penyimpan pada akhir tahun itu hendaklah ditambah dengan sewajarnya.

Penetapan Bonus dan Dividen.

(2) Tiada sebarang bonus atau dividen boleh ditetapkan melainkan jika Perbadanan telah menujuhkan Kumpulanwang Yang Diasingkan, dan tiada sebarang bonus atau dividen boleh ditetapkan dalam sebarang tahun melainkan jika pada akhir tahun itu —

- (a) aset Tabung tidak kurang dari jumlah tanggungan Tabung, jumlah wang yang kena dibayar kepada penyimpan-penyimpan dikira seolah-olah kena dibayar dengan segera ; dan
- (b) aset Kumpulanwang Yang Diasingkan tidak kurang daripada sesuatu peratus dari jumlah wang yang sebenarnya masih ada dalam kredit penyimpan-penyimpan pada akhir tahun itu termasuk bonus atau dividen sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Perbadanan.

(3) Sebarang pembayaran yang dikehendaki untuk dibuat dari Tabung hendaklah setakat yang wang dalam Tabung tiada mencukupi bagi maksud itu, dibayar dari Kumpulanwang Yang Diasingkan.

(4) Ceraian-ceraian (1) hingga (3) dari bab ini hendaklah dikenakan kepada aset Kumpulanwang Yang Diasingkan sebagaimana ianya dikenakan kepada aset Tabung dan segala pendapatan dari pelaburan aset Kumpulanwang Yang Diasingkan hendaklah dimasukkan ke dalam Tabung.

(5) Perbadanan boleh dari masa ke semasa memindahkan aset dari Kumpulanwang Yang Diasingkan kepada Tabung atau dari Tabung kepada Kumpulanwang Yang Diasingkan.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pengeluaran wang. 27. (1) Tertakluk kepada syarat-syarat bab ini sebarang jumlah wang yang masih ada dalam kredit akaun seseorang penyimpan di bawah Perintah ini boleh dikeluarkan —

- (a) bagi membayar semua atau sebahagian daripada perbelanjaan menunaikan fardu haji penyimpan ;
- (b) apabila penyimpan itu meninggal dunia ;
- (c) apabila penyimpan itu memuaskan hati Perbadanan bahawa disebabkan oleh umur, penyakit atau dalam hal-hal lain dia tidak mungkin dapat menunaikan fardu hajinya semasa hidupnya ;
- (d) apabila penyimpan itu memuaskan hati Perbadanan bahawa dia hendak meninggalkan Negara Brunei Darussalam dan tidak bercadang hendak kembali ke Negara Brunei Darussalam lagi ; dan
- (e) dalam sebarang hal lain jika Perbadanan dengan mengambil kira kepada semua keadaan hal itu membenarkan wang itu dikeluarkan,

tetapi tidaklah dengan cara lain.

(2) Apabila wang telah dikeluarkan di bawah perenggan (a) dari ceraian (1) dari bab ini Perbadanan boleh, sebagai ganti membuat pembayaran dengan wang tunai memberi kepada penyimpan itu tiket, baucar perjalanan atau dokumen-dokumen lain yang perlu bagi menunaikan fardu haji.

Jaminan oleh Kerajaan. 28. (1) Kerajaan hendaklah bertanggungjawab terhadap pembayaran semua wang yang kena dibayar oleh Perbadanan tetapi tiada sebarang apa pun dalam bab ini membenarkan seseorang pemutang atau orang lain yang menuntut terhadap Perbadanan untuk mendakwa Kerajaan berkaitan dengan tuntutannya.

(2) Sebarang pembayaran dari Kumpulanwang Yang Disatukan hendaklah dengan seberapa segera yang boleh dibayar balik oleh Perbadanan kepada Kumpulanwang Yang Disatukan dan sehingga dibayar balik hendaklah menjadi suatu hutang kepada Kerajaan dan suatu tanggungan pertama ke atas aset Tabung dan Kumpulanwang Yang Diasingkan.

Anggaran Tahunan. 29. (1) Pengarah Urusan hendaklah tidak lewat dari satu bulan sebelum bermulanya tiap-tiap tahun kewangan, membentangkan di hadapan lembaga suatu anggaran perbelanjaan Perbadanan (termasuk perbelanjaan modal) bagi tahun yang berikutnya mengikut butir-butir dan bentuk sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh lembaga.

(2) Satu salinan anggaran itu hendaklah dihantar kepada tiap-tiap ahli lembaga tidak kurang dari empat belas hari sebelum mesyuarat di mana anggaran itu akan dibentangkan.

30. (1) Perbadanan hendaklah menyimpan akaun-akaun yang betul dan rekod-rekod lain berkaitan dengan pengendaliannya dan hendaklah menyediakan suatu penyata akaun bagi tiap-tiap tahun kewangan.

Akaun dan Audit.

(2) Akaun-akaun Perbadanan hendaklah diaudit oleh Juruaudit Agung atau oleh juruaudit-juruaudit bebas yang lain yang dilantik oleh Perbadanan dengan kebenaran Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan.

(3) Selepas akhir tiap-tiap tahun kewangan, sebaik sahaja akaun-akaun Perbadanan telah diaudit Perbadanan hendaklah menyebabkan supaya satu salinan penyata akaun itu dihantar kepada Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan berserta dengan satu salinan sebarang ulasan yang telah dibuat oleh Juruaudit Agung atau juruaudit lain yang dilantik di bawah ceraian (2) dari bab ini mengenai sebarang penyata atau mengenai sebarang akaun Perbadanan.

(4) Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan hendaklah menyebabkan supaya satu salinan tiap-tiap penyata dan ulasan itu disembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

31. (1) Perbadanan hendaklah tidak lewat dari 30 haribulan April pada tiap-tiap tahun, menyebabkan supaya dibuat dan dihantar kepada Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan suatu laporan berkenaan dengan kegiatan-kegiatan Perbadanan dalam tahun kewangan yang lalu dan mengandungi maklumat berhubung dengan perjalanan dan dasar Perbadanan sebagaimana yang mungkin diarahkan dari masa ke semasa oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan.

Laporan tahunan.

(2) Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan hendaklah menyebabkan supaya satu salinan tiap-tiap laporan itu disembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

BAHAGIAN VI

RAMPAIAN

32. Perbadanan boleh, dengan suratcara di bawah meterai biasanya, melantik seseorang (sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di suatu tempat di luar Negara Brunei Darussalam) sebagai wakilnya, dan orang yang dilantik itu boleh, tertakluk kepada suratcara itu, membuat sebarang tindakan atau menyempurnakan sebarang kuasa atau tugas yang dia diberi kuasa oleh suratcara itu untuk melakukan atau menyempurnakannya.

Kuasa untuk melantik wakil.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- Fiat Peguam Negara.** 33. Tiada pendakwaan berkaitan dengan sebarang kesalahan di bawah Perintah ini boleh dimulakan tanpa persetujuan secara bertulis daripada Peguam Negara.
- Bidangkuasa.** 34. Dengan tidak menghiraukan syarat-syarat sebarang undang-undang bertulis yang lain, Mahkamah Majistret mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan segala kesalahan di bawah Perintah ini dan untuk menjatuhkan hukuman penuh yang ditetapkan bagi kesalahan itu.
- Kuasa untuk membuat Peraturan-Peraturan.** 35. Menteri yang bertanggungjawab bagi hal-ehwal ugama boleh dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan membuat peraturan-peraturan bagi menjalankan matlamat dan tujuan Perintah ini dengan lebih baik lagi.
- Tindakan dan perbelanjaan permulaan.** 36. Dengan tidak menghiraukan syarat-syarat bab 1 dari Perintah ini Menteri yang bertanggungjawab bagi hal-ehwal ugama boleh pada bila-bila masa sebelum tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini membuat segala tindakan dan melakukan segala perbelanjaan sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu berhubung dengan penubuhan perbadanan ; dan selepas tarikh itu segala tindakan dan perbelanjaan itu hendaklah dianggap telah dibuat dan dilakukan oleh lembaga.

BAHAGIAN VII

PERALIHAN

- Penerusan pegawai dan kakitangan.** 37. Tiap-tiap orang sebaik sahaja sebelum hari yang ditetapkan yang diambil berkhidmat sebagai pegawai atau kakitangan Perbadanan hendaklah pada hari itu diambil berkhidmat sebagai pegawai atau kakitangan Perbadanan, mengikut mana yang berkenaan, dengan syarat-syarat perkhidmatan yang sama sebagaimana yang terdapat sebaik sahaja sebelum hari yang ditetapkan.

Diperbuat pada hari ini 19 haribulan September, 1991, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**